

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PENYERAHAN BENDERA KEPADA PASUKAN SUKMA SELANGOR**

Sukan Malaysia (SUKMA) dipertandingkan secara dwi-tahunan yang merupakan kejohanan temasya yang terbesar dan berprestij di negara ini. Kejohanan ini diadakan berselang-seli dengan Sukan SEA bagi tujuan mencungkil bakat-bakat baru atlet yang berpotensi tinggi untuk mewakili negara.

Sukan Malaysia sudah menjadi medium terpenting dalam menaikkan nama Negeri dalam arena Sukan dewasa ini. Kerajaan Negeri juga telah bersedia untuk membelanjakan peruntukan yang besar bagi persiapan kontinjen, penyertaannya termasuk juga pemberian ganjaran kemenangan dalam konteks Sukan Malaysia hari ini.

Begitu juga dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang sentiasa bersedia memikul tanggungjawab sebagai bapa angkat dalam usaha mempersiapkan segala keperluan pasukan bagi menghadapi kejohanan SUKMA ini.

Sebagai makluman, Sukan Malaysia pada kali ini akan berlangsung di Kuantan, Pahang yang bermula pada 2 hingga 16 Julai 2012. Setiap negeri sudah pasti mempersiapkan segala keperluan ke kejohanan tersebut.

Pada tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sekali lagi telah diamanahkan untuk menjadi bapa angkat kepada empat acara sukan iaitu Lumba Basikal, Wushu, Tenpin Bowling dan Squasy. Kita menaruh harapan yang tinggi supaya empat acara ini dapat memberi saingan yang hebat dalam memburu kejuaraan dalam setiap acara yang dipertandingkan.

Empat pasukan yang merupakan anak angkat kepada MBPJ ini telah mengumpulkan seramai 88 orang termasuk para atlet, pengurus dan teknikal. Dengan ini, akan bermulalah misi sebagai pasukan Negeri Selangor yang akan melangkah penuh bergaya menuju ke venue kejohanan masing-masing.

Penyerahan Bendera Negeri Selangor kepada setiap pasukan merupakan sebagai satu simbolik bekalan semangat perjuangan yang tidak akan luntur demi memburu kilauan Emas SUKMA 2012. Majlis juga memberi sedikit sumbangan kepada setiap pasukan berjumlah RM2,500.00 untuk kegunaan sepanjang berada di perkampungan SUKMA dan juga keperluan-keperluan lain.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mempersiapkan segala keperluan pasukan. Juga tidak lupa kepada Majlis Sukan Negeri Selangor yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada MBPJ.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 15 Jun 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
[Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
[Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)